



**RABU, 14 DISEMBER 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

PELETAKAN JAWATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF CAAM

PUTRAJAYA – Anggota Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ingin memaklumkan bahawa YBhg. Datuk Kapten Chester Voo, Ketua Pegawai Eksekutif CAAM telah meluahkan hasratnya untuk memendekkan tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif CAAM pada Oktober 2022. Anggota Pihak Berkuasa memahami dan menghormati sepenuhnya permintaan tersebut. Walau bagaimanapun, selepas membuat pertimbangan sewajarnya, Anggota Pihak Berkuasa memohon agar peletakan jawatan beliau ditangguhkan sehingga ke 31 Disember 2022. Penangguhan ini bagi membolehkan CAAM melaksanakan proses peralihan dan penyerahan tugas kepada pengganti jawatan berkenaan. Perkara ini telah dipersetujui oleh YBhg. Datuk Kapten Chester dan beliau serta pihak pengurusan CAAM telah menyediakan pelan strategik 2023 yang lengkap buat CAAM bagi memastikan proses kesinambungan yang positif.

Sejak pelantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada Jun 2020, YBhg. Datuk Kapten Chester telah memberikan komitmen yang tinggi dalam kepimpinan yang berkesan kepada pengurusan CAAM. Di bawah kepimpinan beliau, CAAM telah mencapai pelbagai kejayaan yang telah membawa CAAM dikenali sebagai badan kawal selia keselamatan dan sekuriti industri penerbangan serta penyedia perkhidmatan navigasi udara yang mampan seperti hari ini.

Anggota Pihak Berkuasa yakin dan positif dengan transformasi yang dilaksanakan oleh organisasi ini dalam tempoh dua tahun setengah yang lalu telah membawa CAAM ke landasan yang betul untuk melaksanakan peranan utamanya dalam mengawasi dan mempromosikan aspek keselamatan industri penerbangan negara serta menyediakan perkhidmatan navigasi udara bertaraf antarabangsa. Anggota Pihak Berkuasa akan

meneruskan momentum yang telah membantu beberapa kejayaan yang dikehendaki oleh CAAM di bawah kepimpinan YBhg. Datuk Kapten Chester termasuklah mengembalikan semula status Kategori 1 bagi Penarafan Keselamatan Penerbangan Antarabangsa (IASA) oleh *Federal Aviation Administration* (FAA) Amerika Syarikat, pelancaran Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) yang baharu, pengenalan Piagam Pelanggan CAAM yang pertama serta kejayaan penstrukturkan semula organisasi CAAM. Beberapa inisiatif dan usaha lain juga diteruskan untuk memastikan peranan CAAM sebagai badan kawal selia industri penerbangan awam negara dikekalkan dan selaras dengan keperluan antarabangsa.

YBhg. Datuk Kapten Chester telah mengemukakan surat peletakan jawatannya dan telah diterima oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan di mana hari terakhir perkhidmatan beliau adalah pada 31 Disember 2022. Anggota Pihak Berkuasa mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Kapten Chester atas dedikasi, kesungguhan, kerja keras dan sumbangan besar yang telah beliau lakukan sepanjang berkhidmat di CAAM dan diidoakan yang terbaik dalam apa juga yang beliau akan ceburi pada masa hadapan.

TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABDUL RAHMAN
Pengerusi
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan dengan kenyataan media ini, mohon hubungi Anis Rahim di anis@caam.gov.my